

AKTIVITI BAHASA ARAB UITM KAMPUS REMBAU 2022

MASHITAH NORDIN & NUR AINI ARIFFIN
AKADEMI PENGAJIAN BAHASA, UITM KAMPUS REMBAU

Bermula 17 sehingga 20 Mei 2022, APB UiTM Rembau telah mengadakan program Language and Culture Fair 2022 secara dalam talian. Pelbagai aktiviti bahasa yang dijalankan yang merangkumi 3 bahasa iaitu Bahasa Inggeris, Bahasa Arab dan Bahasa Mandarin. Semua aktiviti dalam program ini dijalankan secara dalam talian kerana pelajar belum sepenuhnya kembali ke kampus. Namun begitu, ia tidak menjadi penghalang untuk mengadakan program bersama pelajar.

Dalam program ini, terdapat dua aktiviti atau pertandingan melibatkan Bahasa Arab telah dijalankan pada 18 Mei 2022. Aktiviti tersebut ialah Khattab Milenia dan Pertandingan Video Pendek Bahasa Arab. Aktiviti ini melibatkan pelajar-pelajar yang mengambil kursus Bahasa Arab pada semester Mac 2022-Ogos 2022 sahaja.



Khattab Milenia merupakan pertandingan kategori individu. Pertandingan ini menyediakan platform kepada pelajar untuk mempamerkan dan mengembangkan kemahiran komunikasi secara individu di samping memperkasakan kebolehan untuk mengorganisasikan syarahan yang akan disampaikan. Saudari Nur Humaiza Fadlizam daripada kumpulan N5BA1112E dengan syarahan bertajuk **الأَخْلَاقُ الكَرِيمَةُ** (akhlak yang mulia) muncul johan bagi pertandingan ini. Naib johan disandang oleh saudara Shadiq Khadzri daripada kumpulan N5IM2445A dengan syarahan bertajuk **دَوْرُ المَسْجِدِ** (peranan masjid) dan tempat ketiga, saudara Muhammad Arif Safwan Azmani daripada kumpulan N5BA1192D dengan syarahan bertajuk **الصَّلَاةُ** (solat).

Pertandingan Video Pendek Bahasa Arab pula merupakan pertandingan kategori berkumpulan. Tema video adalah berkaitan dengan Hari Raya bersempena dengan bulan Syawal semasa program dijalankan. Pelajar-pelajar perlu membuat video tentang sunnah-sunnah Hari Raya yang berkonsepkan santai dan sampai. Peserta dikehendaki menyampaikan sebuah konsep persembahan dalam bentuk video yang jelas daripada aspek visual dan audio berdurasi 4 hingga 5 minit sahaja. Johan bagi pertandingan ini dimenangi oleh kumpulan N5BA1112E (Nur Nadia Abdullah, Raja Sharifah Nor Alia Raja Shoib dan Wan Natasha Abdul Malek). Manakala naib johan adalah daripada kumpulan N5BA1112D (Maizatul Aisyah Nazarudin, Nur Farah Qistina Syahrizal dan Siti Aisyah Zaini) dan tempat ketiga pula dimenangi oleh kumpulan N5BA1111A (Afnan Mohd Dzafer dan Nurain Syafiqah Ramlie).



Aktiviti Bahasa Arab ini telah mendapat sambutan yang baik daripada para pelajar dan telah mencapai objektifnya hasil kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh pensyarah-pensyarah Bahasa Arab dan para pelajar di mana pembelajaran Bahasa Arab dapat dijalankan menerusi medium yang berbeza. Aktiviti seperti ini juga dapat membantu para pelajar untuk memantapkan lagi penguasaan Bahasa Arab dan kemahiran lain seperti penggunaan teknologi dan lain-lain.